

Headline	Kawasan hijau bertambah, warisan negara terpelihara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	165 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,995
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,986



# Kawasan hijau bertambah, warisan negara terpelihara

**Kuala Lumpur:** Kawasan seluas 26.7 hektar yang dipilih untuk mewujudkan Taman Tugu adalah inisiatif bagi menyelamatkan kawasan hijau di negara ini, khususnya di bandar raya ini.

Pengarah Eksekutif Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), S Shanmugaraj, berkata pada masa ini banyak pembangunan dilaksanakan di sekitar bandar raya dan Lembah Klang, justeru untuk menyelamatkan kawasan hijau di kawasan pembangunan adalah agak sukar.

“Kita hanya ada dua kawasan hijau di bandar raya iaitu Bukit Nanas dan Taman Tasik Perdana.

“Jika Taman Tugu dibangunkan ia akan meluaskan lagi kawasan hijau, justeru Kuala Lumpur akan mempunyai satu kawasan hijau yang luas di tengah kota,” katanya.

## Kawasan lindungan unggas

Shanmugaraj berkata, MNS bersetuju dengan projek berkenaan kerana ia memulihara warisan sedia ada dengan mengelakkan kehijauan, malah segala unggas yang ada di ibu kota akan mempunyai tempat berlindung,” katanya.

Beliau berkata, MNS terbabit menjayakan projek Taman Tugu dengan membantu dari segi tunjuk ajar dan pengenalan mengenai alam sekitar.

“Kita juga bekerjasama dengan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia** (FRIM) bagi mengenal pasti jenis pokok untuk ditanam di kawasan berkenaan, malah akan membuat denai di kawasan itu.

## Pamer pelbagai maklumat

“Kawasan itu juga akan diletakkan papan tanda mengenai alam sekitar seperti jenis pokok, burung dan pelbagai flora dan fauna,” katanya.

Selain itu, katanya mereka akan turut terbabit dalam pameran galeri yang akan menunjukkan maklumat mengenai hutan hujan tropika dan poster maklumat.

“Taman Tugu bukan saja dapat memberi penghayatan mengenai sejarah, tetapi juga membolehkan orang ramai menjalankan penyelidikan mengenai alam sekitar dengan bantuan sukarelawan MNS,” kata-nya.

Headline	Kawasan hijau bertambah, warisan negara terpelihara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	165 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,995
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,986

